



**LONGKANG** yang dibina oleh pemaju menghalu dan terhenti di tanah milik Robiah menyebabkan tanahnya terhakis di Kampung Kemesah, Ulu Klang.

**TANAH** milik Robiah Hamid yang teruk terhakis, dipercayai berpunca daripada tindakan pemaju menyalurkan air ke tanah milik wanita itu di Hulu Klang sejak tiga tahun lalu.

Salur air dari tapak projek ke tanah miliknya

## Ibu tunggal jadi mangsa pemaju

**MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
kota@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 6 Dis. – Sejak hampir tiga tahun lalu, seorang ibu tunggal, Robiah Hamid, 47, hanya mampu bersabar dan memendam rasa melihat tanahnya menjadi mangsa pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Pemaju yang mementingkan diri sendiri itu didakwa dengan sewenang-wenangnya mengalirkan air dari tapak projeknya ke tanah seluas 0.8 hektar milik wanita itu.

Akibatnya, tanah Robiah di Lot 16059 Kampung Kemesah, Hulu Klang di sini menerima kesan hakisan yang sangat teruk.

Selain hakisan tanah, tindakan tidak bertanggungjawab pemaju itu juga turut mengundang beberapa musibah lain terhadap wanita itu.

Antara musibah yang terpaksa ditanggung ialah segala usaha berkebun yang dilakukannya selama ini musnah akibat daripada hakisan tanah yang berlaku itu.

Selain itu, sumber rezekinya selama ini

turut hilang apabila penyewa yang bertahun-tahun menyewa tanahnya untuk mengusahakan ternakan ikan, kini sudah tidak mahu menyewa lagi.

Katanya, dia berasa sangat kesal dengan tindakan pemaju tersebut yang mengambil jalan mudah tanpa mempedulikan nasib yang menimpa dirinya.

Robiah berkata, pemaju bukan sahaja hanya mengalirkan air longkang, malah air kumbahan dan air dari sebuah hutan simpan berhampiran turut disalurkan ke tanah miliknya menerusi longkang yang dibina oleh pemaju itu.

Katanya, keadaan akan menjadi lebih teruk apabila hujan lebat kerana semua air akan tersalur ke tanahnya, menjadikan hakisan di situ semakin teruk dan turut mengundang bahaya kerana akan terbentuk kolam di tanahnya itu.

“Semakin hari, tanah saya semakin teruk terhakis tetapi ia masih dipandang ringan



**ROBIAH HAMID**

oleh pemaju tersebut.

“Saya anggap tindakan pemaju ini sangat kejam kerana sanggup menindas golongan seperti saya yang dilihat tidak mampu berbuat apa-apa,” katanya.

Dia memberitahu, sudah beberapa kali dia meminta pemaju terbabit mengalirkan air dari tapak projek mereka ke tempat yang lebih sesuai tetapi permintaannya itu tidak diindahkan sehingga ke hari ini.

Robiah berkata, menyedari hakikat bahawa pemaju terbabit tidak akan berbuat apa-apa bagi mengatasi masalah itu, dia mengambil keputusan mengadukan perkara itu kepada beberapa pihak yang bertanggungjawab dengan harapan ia mampu menyelesaikan masalah tersebut.

Katanya, dia sudah pun membuat aduan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Majlis Perbandaran Ampang Jaya

(MPAJ), wakil rakyat dan beberapa pihak lain.

Namun, katanya, apa yang menyedihkan ialah masih tidak ada sebarang tindakan atau susulan dibuat oleh pihak berkuasa terbabit walaupun aduan sudah dikemukakan.

“Saya kini sangat tertekan, tanah semakin hari semakin terhakis, penyewa juga tidak mahu menyewa tanah saya lagi, bagaimana saya hendak mencari rezeki.

“Sumber pendapatan saya hanyalah dengan bergantung harap kepada hasil daripada menyewa tanah ini dan hasil duit itu jugalah saya membesarkan tiga orang anak yang masih bersekolah,” katanya.

Tambahnya, untuk mengatasi kerugian yang dialaminya sejak tiga tahun lalu, dia turut meminta pampasan kepada pemaju berkenaan, namun tidak juga diindahkan.

Justeru, dia sangat berharap pihak berkuasa dapat tampil membantunya menyelesaikan masalah tersebut dengan menegakan tindakan terhadap pemaju itu dan mengarahkan masalah itu diatasi segera.